

Selamatkan orang muda muflis

Oleh Saadiah Ismail

saadiah_ismail@bh.com.my

Kuala Lumpur: Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh mahu memberi keutamaan terhadap isu belia dan anak muda yang berdepan masalah muflis dengan melaksanakan inisiatif terbaharu di bawah kementerianannya.

Ahli Parlimen Segambut yang dilantik menerajui Kementerian Belia dan Sukan (KBS) minggu lalu menegaskan, golongan belia muflis ini memerlukan intervensi kerajaan untuk membantu mereka keluar daripada masalah berkenaan, lebih-lebih lagi ramai golongan itu terkesan ketika pandemik COVID-19.

“Kita tahu ketika musim pandemik lalu, ramai belia yang sudah bankrap dan mereka tidak ada jalan keluar untuk mengatasi perkara ini.

“Sekiranya pada usia 22 tahun belia ini sudah diisytiharkan bankrap, bagaimana mereka hendak

berkahwin? Membeli rumah dan jaminan kepada anak mereka nanti.

“Jadi isu ini memang memerlukan penelitian dan inervensi daripada kerajaan.” katanya menerusi perkongsian video TikTok, semalam.

Nasional 8

“Sekiranya pada usia 22 tahun sudah diisytiharkan bankrap, bagaimana mereka hendak berkahwin? Membeli rumah dan jaminan kepada anak mereka nanti”

Hannah Yeoh,
Menteri Belia dan Sukan



Pinjaman peribadi punca utama kes belia muflis

Berita Harian 12/12/2022 (Page 8)

Dari Muka 1

Berdasarkan maklumat Jabatan Insolvensi Malaysia, jumlah kes muflis membabitkan belia di negara ini menunjukkan trend penurunan dalam tempoh tiga tahun sejak 2020 iaitu sehingga Jun lalu adalah 10,137 orang.

Penurunan kes muflis bagi belia berusia bawah 25 tahun merekodkan 21 orang pada 2020 dan turun kepada 20 orang pada 2021, manakala hanya enam orang direkodkan sehingga Jun lalu.

Pada 15 Ogos lalu, ketika menjawab soalan di Dewan Negara, Timbalan Menteri Belia dan Sukan ketika itu, Dafuk Seri Ti Lian Ker menjelaskan, isu pinjaman peribadi menjadi punca utama kes muflis membabitkan golongan itu.

Katanya, seramai 1,486 orang atau 47 peratus daripada 3,165 keseluruhan kes muflis dalam kalangan belia adalah disebabkan pinjaman peribadi, diikuti 249 kes berpunca daripada sewa beli kenderaan dan 654 kes membabitkan pinjaman perniagaan.

Sejumlah 284 kes pula disebabkan pinjaman perumahan, hutang kad kredit (140), penjamin korporat (84), hutang cukai pendapatan (83), gagal membayar ca-

ruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (65), biasiswa atau pinjaman pelajaran (7) dan berhutangan lain (113).

Yeoh berkata, pada masa sama pihaknya sudah meminta data untuk melihat bagaimana cara dapat membantu belia muflis ini.

"Ini akan menjadi satu prioriti untuk saya. Kalau belia jadi bankrap pada usia muda dan kita tak ada 'way out' (jalan keluar) untuk mereka, yang saya nak gunakan infra KBS membantu belia yang tidak dapat membantu diri mereka sendiri," katanya.

Tumpu belia berbakat

Beliau berkata, penumpuan juga akan diberikan kepada belia yang lemah atau yang tidak mempunyai minat menyambung pelajaran, namun mempunyai bakat lain yang boleh dikembangkan sehingga ke tahap mampu bersaing dalam pasaran kerja.

"Jadi, saya juga akan memperkasakan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) untuk membina platform terbaik untuk belia begini.

"Kita akan cuba beri latihan kepada mereka untuk membina bakat sehingga mereka boleh bekerja," katanya.

Dalam perkembangan lain, Yeoh berkata, KBS akan memas-

takan infrastruktur sukan dalam negara mudah diakses bukan sahaja kepada atlet kebangsaan tetapi juga orang ramai.

Katanya, langkah itu penting bagi pembangunan sukan di peringkat akar umbi.

"KBS akan mengkaji kerjasama dengan Kementerian Pelajaran sebagai contoh buka semua kemudahan sukan di sekolah kerana sekolah sangat berdekatan dengan perumahan dan sudah mempunyai infrastruktur sukan, padang dan sebagainya. Kerajaan juga dapat jimatkan kos daripada membina infrastruktur sukan baharu," katanya selepas menyaksikan Kejohanan Skuasy Terbuka Remaja Antarabangsa Kuala Lumpur ke-14 di Pusat Skuasy Nasional Bukit Jalil.

Beliau berkata, KBS sedang giat berjumpa persatuan sukan bagi membincangkan hal berkaitan keperluan dan kebajikan atlet, sebelum merangka dasar baharu kementerian dalam pembangunan sukan tanah air.

"Semalam (kelmarin), saya berjumpa dengan jaguh berbasikal trek negara Datuk Mohd Azizulhasni Awang untuk meminta cadangan memajukan sukan dan bagaimana lagi cara memberi pendedahan kepada atlet kita," katanya.